

HOVID-FAMOTIDINE TABLET

Famotidine (20mg; 40mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan hovid-Famotidine Tablet
2. Bagaimana hovid-Famotidine Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan hovid-Famotidine Tablet
4. Cara menggunakan hovid-Famotidine Tablet
5. Semasa menggunakan hovid-Famotidine Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan hovid-Famotidine Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan hovid-Famotidine Tablet

Famotidine digunakan untuk rawatan jangka pendek bagi:

- Ulser duodenum
- Ulser gastrik (perut)
- Pengeluaran asid gastrik berlebihan dalam perut seperti *Zollinger-Ellison syndrome*)

Famotidine juga digunakan untuk:

- mengelakkan berlakunya semula ulser duodenum
- melegakan pedih ulu hati yang disebabkan oleh asid gastrik dalam saluran pernafasan
- merawat hakisan dan ulser pada saluran pernafasan

Bagaimana hovid-Famotidine Tablet berfungsi

Famotidine tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai perencat atau penghalang reseptor H₂. Ia berfungsi dengan mengurangkan jumlah asid yang dihasilkan oleh perut. Ini membantu untuk mengurangkan kesakitan dan juga membolehkan ulser untuk sembuh

Sebelum menggunakan hovid-Famotidine Tablet

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan mengambil ubat ini jika anda pernah mempunyai alahan kepada famotidine, ubat yang serupa atau mana-mana bahan terkandung dalam

produk ini yang disenaraikan di bahagian akhir risalah ini.

- Jika anda tidak pasti untuk mula menggunakan famotidine, sila jumpa doktor atau ahli farmasi anda.

- Sebelum mula menggunakan hovid-Famotidine Tablet

Anda perlu memberitahu doktor anda:

1. Jika anda mempunyai alahan kepada:
 - apa-apa ubatan
 - apa-apa bahan seperti makanan, pengawet atau pewarna.
2. Jika anda mempunyai apa-apa penyakit, terutamanya:
 - masalah buah pinggang
 - ulser gastrik (doktor kemungkinan akan mengaturkan ujian tambahan untuk membuat diagnosis kanser perut sebelum memulakan famotidine tablet kerana famotidine boleh melambatkan diagnosis tersebut)
 - masalah kesihatan yang lain
3. Jika anda hamil atau menyusu atau merancang untuk hamil atau menyusu. Famotidine tidak boleh digunakan semasa hamil melainkan potensi manfaat melebihi potensi risiko kepada bayi. Famotidine boleh dikesan dalam susu manusia. Oleh itu, keputusan perlu dibuat sama ada untuk menghentikan penyusuan atau menghentikan ubat.

Jika anda belum memberitahu doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara-perkara di atas, sila memberitahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mula menggunakan hovid-Famotidine Tablet.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

- Sila memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi.
- Sila memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat-ubatan yang disenaraikan di bawah:

-Antasid – Jangan mengambil antasid dalam setengah hingga satu jam selepas mengambil famotidine.

-Ketoconazole (ubat anti-kulat) – Famotidine harus diambil sekurang-kurangnya dua jam selepas mengambil ketoconazole.

Cara menggunakan hovid-Famotidine Tablet

- Berapa banyak harus digunakan

Dos bagi orang dewasa dan remaja:

Ulser duodenum: 40 mg satu kali setiap hari sebelum tidur atau 20 mg dua kali setiap hari.

Mencegah ulser duodenum berulang: 20 mg sebelum tidur.

Ulser gastrik: 40 mg satu kali setiap hari sebelum tidur.

Pengeluaran asid gastrik berlebihan (contohnya, *Zollinger-Ellison syndrome*): 20 mg setiap 6 jam. Dos boleh diselaraskan mengikut keperluan. Sesetengah orang yang mengalami *Zollinger-Ellison syndrome* serius telah ditetapkan dos 160 mg setiap 6 jam.

Penyakit Refluks Asid: 20mg dua kali sehari sehingga 6 minggu. Rawatan untuk orang yang mempunyai radang yang disebabkan oleh refluks asid adalah 20mg hingga 40mg dua kali sehari sehingga 12 minggu.

Masalah buah pinggang : Pelarasan dos diperlukan untuk orang yang mempunyai masalah buah pinggang. Oleh sebab kesan sampingan telah dilaporkan pada orang yang mempunyai masalah buah pinggang, dos famotidine boleh dikurangkan kepada separuh daripada dos yang disyorkan atau kekerapan dos boleh dipanjangkan kepada 36 hingga 48 jam bergantung kepada respons individu untuk mengelakkan pengumpulan ubat berlebihan dalam badan.

- Bila perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

HOVID-FAMOTIDINE TABLET

Famotidine (20mg; 40mg)

- Berapa lama perlu digunakan

Adalah penting untuk mengambil ubat mengikut preskripsi doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan gantikan dos anda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ambil dos seterusnya seperti biasa pada masa yang ditetapkan.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda terambil terlalu banyak ubat, hubungi doktor anda atau dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Simptom terlebih dos termasuk muntah, gelisah, membran mukus pucat, kemerahan mulut dan telinga dan ruam.

Semasa menggunakan hovid-Famotidine Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat mengikut arahan doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat anda melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil ubat-ubatan lain sebelum mendapatkan nasihat doktor anda.

Jangan berkongsi ubat-ubatan anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami simptom atau masalah yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda memandu dan mengendalikan mesin. Jika ubat ini menyebabkan anda rasa loya, pening atau penat atau sakit kepala, pastikan anda tidak memandu atau mengendalikan jentera dan beritahu doktor anda segera.

Kesan-kesan Sampingan

Kesan sampingan famotidine biasa ialah seperti sakit kepala, mengantuk, loya, muntah, tiada selera makan, sembelit, cirit-birit, mulut dan kulit kering, ruam kulit, keguguran rambut, sakit otot atau sendi serta kekeliruan.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan

sampingan yang menjadi serius atau mengalami apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan hovid-Famotidine Tablet

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada kelembapan dan cahaya.

- Pelupusan

Pulangkan ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi.

Ubat tidak boleh dilupuskan melalui sisa air atau bahan buangan isi rumah.

Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet berbentuk segi empat sama, berwarna jingga muda, tepi serong dengan permukaan cembung yang nipis.

- Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

- Famotidine

-Bahan tidak aktif:

- Microcrystalline cellulose M200D+
- Sodium starch glycolate
- Magnesium stearate
- Colloidal silicon dioxide
- Lactose monohydrate
- Propylene glycol
- Sunset yellow lake
- Iron oxide yellow
- Talc
- Titanium dioxide
- Hydroxypropyl Methylcellulose E-5

- Hydroxypropyl Methylcellulose E-15

- Nombor MAL:

20mg: MAL19961276AZ

40mg: MAL19961275AZ

Pengilang

Hovid Berhad,
Lot 56442, 7^{1/2} Miles,
Jalan Ipoh / Chemor,
31200 Chemor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Hovid Berhad.,
121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Perak, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

06/02/2024

Nombor siri

NPRA(R4/1)020621/00034